

Adib bidas parti pembangkang yang besarkan isu2 kecil

MELAKA, Isnin. — Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohd Adib Adam membidas parti pembangkang kerana cuba mengelirukan rakyat dengan membesar-besarkan isu kecil yang boleh menjejaskan perpaduan.

Katanya, pihak pembangkang telah membawa ketengah isu-isu kecil yang kemudian didapati tidak benar sama sekali.

"Perbuatan ini bukan saja boleh mengelirukan rakyat, juga boleh menimbulkan pergeseran antara rakyat," tegas Datuk Seri Mohd Adib yang juga Pengerusi Barisan nasional Negeri Melaka, di majlis perjumpaan Hari Raya di kediaman Ketua Menteri petang semalam.

Datuk Seri Mohd Adib berkata, masalah perbezaan selalu dibesar-besarkan tetapi perkara-perkara persamaan yang juga banyak, tidak dihebohkan.

"Rakyat mesti bersikap positif tentang perkara ini bagi menjaga perpaduan di kalangan kita," tegas beliau.

"Kita mesti menanamkan semangat positif dan pilihanraya lalu telah membuktikan bahawa perpaduan dapat me-

musnahkan musuh-musuh negara," jelasnya.

Katanya, jika perkara-perkara kecil sengaja diapi-apikan, ia seolah-olah menjolok sarang tabuan.

Datuk Seri Mohd Adib menegaskan, perbuatan ini menimbulkan pergeseran di antara rakyat dan beliau percaya ia sengaja diadakan untuk menggagalkan usaha kerajaan mewujudkan perpaduan.

Perjumpaan

Di zaman kemelesetan ekonomi sekarang, Datuk Seri Mohd Adib mengingatkan rakyat supaya lebih berhati-hati kerana mungkin ada yang cuba "menangguk di air yang keruh."

"Rakyat mungkin gellisah bila diapi-apikan tetap tetapi mereka hendaklah faham tentang kenyataan dan usaha yang dijalankan oleh kerajaan," katanya.

Turut hadir di majlis perjumpaan itu ialah Ketua Menteri Melaka, Datuk Abdul Rahim Thamby Chik, Pengerusi Perhubungan MCA Negeri, Tan Sri Chong Hon Nyan yang juga Menteri Pengangkutan dan pemimpin-pemimpin Umno, MCA dan MIC Negeri.